

SOALAN NO.40**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TAN SRI WILLIAM MAWAN
IKOM [SARATOK]**

TARIKH : 4 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan alasan mengapa akta berkenaan Pesuruhjaya Sumpah belum diadakan di Malaysia sedangkan di luar negara Pesuruhjaya Sumpah dikawal selia oleh akta dan bukannya perundangan subsidiari.

81

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang yang mengawal selia Pesuruhjaya Sumpah di Malaysia adalah suatu perundangan subsidiari iaitu Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 [P.U.(A)67/2018]. Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 ini menggantikan Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1994 [P.U.(A)71/1993]. Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 telah digubal semula, dikemaskini dan diperkasakan supaya selaras dengan keperluan undang-undang semasa untuk mengawal selia pelantikan, pembatalan pelantikan dan kelakuan Pesuruhjaya Sumpah, fi yang hendak dikenakan, penalti dan bagi apa-apa perkara yang bersangkutan dengan Pesuruhjaya Sumpah.

Walaupun Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 adalah perundangan subsidiari namun Kaedah-Kaedah tersebut dibuat oleh Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara di bawah seksyen 11 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] atau Akta ibu.

Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 2018 melalui proses penggubalan dan mempunyai kesan kuat kuasa perundangan seperti mana Akta yang digubal melalui Parlimen.

Sekian, terima kasih.